

26 NOV 1998

LOGISTIK-PERDAGANGAN

PRASARANA LOGISTIK PENTING BAGI PERTUMBUHAN PERDAGANGAN

SHAH ALAM, 26 Nov (Bernama) -- Prasarana yang cekap dan berkesan dari segi kos adalah diperlukan kerana ia penting bagi negara ini memenuhi tuntutan perdagangan antarabangsa yang semakin berkembang di dalam negara dan di seluruh rantau ini, kata pengerusi eksekutif Kumpulan Konsortium Perkapalan Berhad, Mirzan Mahathir.

Katanya, dengan adanya prasarana sedemikian perdagangan antarabangsa akan tumbuh dengan lebih cepat lagi dan Malaysia akan berada pada kedudukan yang baik untuk meraih keuntungan daripada peluang ini.

"Bagaimanapun, untuk mencapai kedudukan ini, kita perlu ada prasarana sedemikian, khususnya dalam bidang logistik," kata Mirzan semasa berucap pada upacara menandatangani kontrak antara Westport Distripark (M) Sdn Bhd dan Philip Morris (M) Sdn Bhd di sini hari ini.

Di bawah kontrak selama enam tahun itu, Westport Distripark, sebuah anak syarikat Konsortium Perkapalan akan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pergudangan kepada Philip Morris.

Mirzan menandatangani kontrak tersebut bagi pihak Westport Distripark manakala Philip Morris diwakili oleh pengurus besarnya, Rocardo Cergneux. Turut hadir pada upacara itu ialah naib presiden Philip Morris, Antonio Marques.

Westport Distripark merupakan sebuah usaha sama antara Konsortium Perkapalan yang memegang 80 peratus kepentingan dan Kelang Multi Terminal Bhd (KMT), pengendali West Port yang memegang baki 20 peratus ekuiti syarikat itu.

Fasa pertama kemudahan itu dimajukan dengan kos RM150 juta di Westport, Pulau Indah dan terletak pada lokasi yang strategik dalam laluan perkhidmatan Timur Jauh/Eropah dan dihubungkan terus kepada laluan-laluan kapal antarabangsa.

Ia juga dihubungkan dengan jalan raya dan landasan keretapi kepada Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Menurut Mirzan, fasa dua dan tiga akan dimajukan di atas tapak seluas 9.6 hektar tahun depan - fasa dua bagi penyimpanan dan pengedaran barangan berbahaya manakala fasa tiga bagi pemasangan kereta dan komputer dari luar negara.

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat ini ialah pengedaran serantau, stesen fret kontena dan penggabungan kargo, urusan pindah kapal, perkhidmatan perdagangan dan kegiatan-kegiatan nilai ditambah seperti pembungkusan dan pembungkusan semula, pelabelan dan pelabelan semula, pemeriksaan dan ujian contoh, pengkelasan dan penggredan.

Mirzan berkata kontrak ini akan menghasilkan dagangan berjumlah RM5 juta setahun kepada syarikat tersebut.

Menurutnya kemudahan logistik di Westport Distripark telah dimajukan sebagai pusat mega untuk memenuhi keperluan perniagaan-perniagaan yang paling mencabar dan pemilihannya sebagai rakan konhisi logistik oleh Philip Morris adalah bukti keyakinan mereka terhadap keupayaannya untuk menyediakan sokongan dan perkhidmatan berkualiti.

Sementara itu, pengurus besar Westport Distripark, Kamaruddin Awang, berkata 70 peratus daripada kawasan gudang pertama telahpun ditempah manakala tiga gudang yang lain, 50 peratus.

Berucap pada upacara yang sama, Marques berkata syarikat rakan kongsi pergudangan yang diuruskan dengan baik dan secara berkesan adalah amat

penting bagi Philip Morris dengan operasi Asia Tenggaraanya ditempatkan di Seremban, Negeri Sembilan yang mempunyai kilang serba canggih dan didirikan khas untuk mengendalikan jumlah eksport di masa akan datang serta pasaran tempatannya yang semakin berkembang.

Marques berkata Philip Morris mengambil keputusan untuk menempatkan operasi Asia Tenggaraanya di Malaysia kerana banyak sebab, antaranya ialah kerana ia mempunyai program prasarana yang amat maju.

-- BERNAMA

KM KY MA